



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64  
No. 9

**28hb April 2020**

*TAMBAHAN No. 48  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 126.**

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
(INSTITUSI PENGURUSAN DANA) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Institusi Pengurusan Dana) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2020 sehingga 30 April 2021.

### Pindaan Jadual

2. Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Institusi Pengurusan Dana) 2016 [P.U. (A) 381/2016] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL

[Peraturan 4]

F1

#### 1. Fi perkhidmatan

Institusi pengurusan dana hendaklah membayar fi perkhidmatan kepada Lembaga seperti yang berikut:

- (a) Berkenaan dengan ahli Kumpulan Wang yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun dan membuat suatu transaksi sama ada secara manual atau elektronik—
  - (i) 0.0625 peratus setahun;
  - (ii) Fi perkhidmatan dikira secara bulanan berdasarkan formula pengiraan seperti yang berikut:

$$= \left[ \frac{\sum_{T=1}^n NAB_T}{n} \right] \times i$$

iaitu—

NAB = Nilai Aset Bersih harian ahli Kumpulan Wang yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun yang diuruskan oleh institusi pengurusan dana berkenaan bagi bulan berkenaan

T = hari bermiaga bagi bulan berkenaan

n = jumlah hari bermiaga bagi bulan berkenaan

i =  $\left[ 0.0625\% \times \frac{1}{12} \right]$ , caj perkhidmatan bulanan.

- (iii) Fi perkhidmatan adalah tertakluk kepada amaun minimum sebanyak satu ratus ringgit sebulan.